

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN
[SEPANGGAR]**

SOALAN

DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN [SEPANGGAR] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh manakah keterlibatan usahawan tempatan termasuklah dari Sabah dan Sarawak dalam 'Digital Free Trade Zone' (DFTZ) sejak inisiatif ini dilancarkan pada 3 November 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif Zon Perdagangan Bebas Digital atau "*Digital Free Trade Zone*" (DFTZ) merupakan inisiatif strategik yang bertujuan untuk meningkatkan eksport Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan ke luar negara serta menjadikan Malaysia sebagai hab *Fulfilment* e-dagang serantau. Sehingga kini, lebih daripada 20,000 PKS tempatan yang telah berdaftar serta menyertai program ini bagi tujuan menempatkan produk mereka di dalam platform *eMarketplaces* atau pasaran maya serantau dan global. Sehingga kini juga, inisiatif ini telah berkerjasama dengan lebih daripada 63 rakan industri yang termasuk *eMarketplaces* atau pasaran maya dalam dan luar negara serta *aggregators* yang merupakan rakan teknologi untuk membantu PKS menempatkan dan memaparkan produk mereka ke dalam pasaran maya.

2. Mengikut pecahan data syarikat mengikut negeri, sehingga 31 Disember 2019, daripada jumlah keseluruhan, sebanyak 231 syarikat didaftarkan di negeri Sarawak dan sebanyak 316 syarikat yang didaftarkan di Sabah telah menyertai inisiatif ini.

3. Inisiatif DFTZ ini juga telah melahirkan banyak PKS yang telah berjaya mempelopori pasaran luar negara. Antara kisah kejayaan PKStempatan dari Sabah dan Sarawak ini adalah seperti:

- a. **Eva Fun Noodle** oleh Puan Eva Tan yang berasal dari Sabah hanya bermula secara kecil kecilan di rumah pada tahun 2014 kini telah menembusi pasaran Singapura, Indonesia dan China dengan berjaya meraih pendapatan lebih RM 40,000 sebulan.
- b. **Juta Tiram Sabah**, produk makanan tradisi dari negeri Sabah di bawah bayu telah berjaya mengeksport ke negara seperti China, Korea dan Brunei. Mereka juga telah mendapat kontrak sebanyak RM 12 juta; dan
- c. **IANA Corporation Sdn. Bhd.** dengan produk Siti Payung Kek Lapis Sarawak telah berjaya melebarkan sayap hingga ke benua Afrika melalui produk kebanggaan negeri Sarawak.